

19 DEC 1996

PM TAK MAHU SUSAHKAN FUJIMORI MENGENAI KEADAAN TEBUSAN

KUALA LUMPUR, Dec 19 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau telah berhubung secara bertulis dengan Perdana Menteri Peru Alberto Fujimori mengenai keadaan Duta Malaysia Ahmad Mokhtar Selat yang dijadikan tebusan gerila di Lima.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tidak menghubungi Perdana Menteri Peru itu dengan telefon kerana tidak mahu menyusahkannya tanpa perlu.

"Saya yakin beliau (Fujimori) tahu perasaan kita. Saya telah menulis pesanan kepada beliau kerana saya tidak mahu menyusahkannya tanpa perlu," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Infotech '96 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri telah diminta mengulas mengenai keadaan duta Malaysia itu yang merupakan antara 200 hadirin satu resepsi di kediaman duta Jepun di Lima yang dijadikan tebusan oleh kumpulan pemberontak Pergerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) semalam. -- BERNAMA

RAZ WAT